

12 SEP 1996

PRESIDEN DEWAN PERHIMPUNAN KEBANGSAAN MENGUNJUNGI MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Presiden Dewan Perhimpunan Kebangsaan Vietnam, Nong Duc Manh hari ini mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini.

yang turut hadir pada pertemuan selama setengah jam itu ialah Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamed Zahir Ismail.

Manh tiba di sini Selasa lepas bersama delegasi 18 anggota untuk lawatan rasmi enam hari ke Malaysia. Lawatan itu sebagai menmbalas lawatan Speaker Dewan Rakyat itu ke Vietnam pada 1993. -- BERNAMA

AFY FAZ